

SIARAN AKHBAR: UNTUK TERBITAN SEGERA (21 Ogos 2017)

## Kerjasama di antara TERAJU Superb dan Motonation 2017

bantu bentuk bakat muda dalam pembangunan keusahawanan automotif

KUALA LUMPUR --- Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Procara Entertainment Sdn Bhd, penganjur utama Motonation 2017 bagi menganjurkan acara jelajah SUPERB Walk-In Bizpitch @MOTONATION 2017

Dalam perjanjian yang ditandatangani hari ini, TERAJU akan bekerjasama dengan pihak penganjur bagi mencungkil bakat dari golongan muda Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam Superb Walk-In Bizpitch @Motonation 2017.

Pemenang-pemenang dengan pelan perniagaan automotif yang paling menarik berpeluang untuk memenangi hadiah utama sehingga RM500,000 daripada TERAJU Superb.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, kedua-dua pihak yang menjalankan kerjasama in berkata, "SUPERB Walk-In Bizpitch @Motonation 2017 mengangkat tema kreativiti dan inovasi bagi mengetengahkan idea kreatif dan inovatif berkaitan sektor automotif merangkumi pelbagai bidang dari perbengkelan automotif, perincian auto, penala dan pengubahsuaihan auto, penciptaan baharu, teknologi pembuatan, perkhidmatan sokongan yang berkaitan kepada perkhidmatan automotif dan sebagainya.

Superb, Skim Usahawan Permulaan Bumiputera, adalah satu pertandingan yang direka khas untuk membantu individu atau syarikat yang sedang membangun, memupuk dan mengembangkan penemuan, idea, atau ciptaan dari pelbagai sektor dan kategori menjadi satu pelan perniagaan keusahawanan yang berjaya. Diperkenalkan pada tahun 2014, SUPERB merupakan salah satu inisiatif TERAJU dalam menerajui kemajuan Bumiputera menerusi penyertaan ekonomi secara berkesan, berdaya tahan dan mampan.

Manakala, Motonation pula merupakan karnival automotif dan gaya hidup yang pertama di Malaysia di mana acara utama akan diadakan di PICC, Putrajaya mulai 1 hingga 3 Disember 2017. Karnival tersebut akan menempatkan semua industri automotif, gaya hidup, subbudaya dan industri sokongan disamping menyediakan aktiviti-aktiviti kekeluargaan seperti trak makanan, *wall climbing*, go kart, permainan arked maya, aktiviti Lego dan banyak lagi, untuk menarik perhatian pengunjung terutamanya penggemar-penggemar automotif. Dalam usaha mempromosikan acara utama, Motonation telah memulakan program jelajah di seluruh negara bermula pada 5 Ogos lepas di Kota Bharu, Kelantan.

Di bawah program Jelajah Motonation, peserta boleh mengambil bahagian menerusi Walk-In BizPitch di lokasi terpilih dan berpeluang untuk menjadi finalis yang akan bersaing di peringkat akhir Motonation pada bulan Disember ini di PICC. Pemenang-pemenang sektor automotif ini akan diberi geran sehingga RM500,000.00 setiap seorang di samping menjalani latihan lanjut di bawah program Superb.

Pada masa yang sama, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) TERAJU juga akan menganjurkan INSKEN Motonation Foodtruck 101 yang terdiri daripada tiga komponen termasuk latihan langsung, sesi perkongsian

bersama pengendali trak makanan yang berjaya dan bimbingan peribadi di Klinik INSKEN *Meet the BisKaunselor*. Mereka yang berhasrat untuk memulakan perniagaan atau mengukuhkan perniagaan trak makanan mereka, berpeluang untuk mendapat bimbingan secara "one to one" atau perseorangan di Motonation 2017 pada bulan Disember ini.

Turut serta dalam merasmikan majlis di Balai Seni Negara hari ini adalah Tan Sri Khalid Ramlie, Pengurus / Penasihat Procara Entertainment Sdn Bhd , En. Megat Mohd Yatim bin Megat Hamid, Pengarah Kanan TERAJU dan Ketua Pengarah Balai Seni Negara, Prof Datuk Dr. Mohamed Najib bin Ahmad Dawa.

Balai Seni Negara turut menjadi lokasi kedua Jelajah Motonation dan lokasi pertama untuk Superb Walk-In BizPitch pada hari Sabtu 26 Ogos 2017. Lima lagi Jelajah usahawan akan diadakan selepas ini termasuk di Johor Bahru, Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak dimana Superb Walk-in Bizpitch akan turut diadakan.

Dalam edisi kedua jelajah Motonation ini, penganjur akan berkerjasama dengan Balai Seni Negara dalam menganjurkan acara 'Motoring Art Festival' yang pertama, menampilkan pelbagai aspek di bawah industri seni automotif seperti *airbrush*, fabrikasi logam, seni dan lukisan automotif, pertandingan grafiti , pertunjukan autosalon, meet and greet bersama artis, pertandingan mewarna hari kemerdekaan, pameran kenderaan klasik & moden dan banyak lagi.

Jangan lupa untuk bersuai kenal dengan penggiat-penggiat seni lukis tanahair di Balai Seni Negara seperti Ryzal, Ridzuan, Hisham Salmin, Bahari Bachok, Azman Nor, Maroz, Abey Zoul, Padi, Sany Misnan, Shah, Aziezan, Jamal Tommy dan Razlan.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari

[www.motionation.com.my](http://www.motionation.com.my)

Facebook : Motonation

[www.teraju.gov.my](http://www.teraju.gov.my)

Facebook : Unit Peneraju Agenda Bumiputera - Teraju

#### **MENGENAI TERAJU**

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada 8 Februari 2011 sebagai unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan menerajui, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Bertindak sebagai 'Game Changer', TERAJU dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkuatkkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkuuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Sehingga kini, TERAJU telah berjaya mencipta nilai sebanyak RM112 bilion untuk Bumiputera, mencipta lebih daripada 43,000 peluang pekerjaan, RM13.29 bilion pelaburan swasta Bumiputera dari Dana Mudahcara, serta mencatat sebanyak RM8.6 bilion modal pasaran daripada penyenaraian syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

Kerangka kejayaan TERAJU dibina menerusi kerjasama Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di bawah 24 buah kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. UPEB diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Inisiatif-inisiatif pula dilaksanakan bersama-sama dengan agensi kerajaan di pelbagai peringkat, koridor-koridor ekonomi, GLC/GLIC dan sektor swasta.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.teraju.gov.my](http://www.teraju.gov.my).